

Bekas timbalan pengerusi PKR Sabah keluar parti
Malaysiakini.com
Disember 21, 2010

Bekas Timbalan Pengerusi PKR Sabah, Awang Ahmad Sah Awang Sahari, hari ini mengumumkan keputusannya untuk keluar daripada parti itu yang didakwa tidak mengamalkan demokrasi.

Awang Ahmad Sah, 51, berkata beliau sudah bosan dengan masalah dalaman parti itu yang tidak sepatutnya berlaku jika kepimpinan PKR mendengar keluhan rakyat.

"PKR bukannya satu platform yang baik untuk memperjuangkan hak penduduk Sabah," katanya.

Turut mengumumkan keputusan untuk keluar PKR ialah bekas ketua cabang Beaufort Lajim Yusof, 66.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/151362>